

## Umat Islam Di Tengah Alam Morden<sup>1</sup>

Umat Islam ialah satu umat yang mendapat pengiktirafan ulung dari Allah dan rasul-Nya. Kecemerlangan umat Islam sukar menjadi bandingan yang seimbang denganannya perkenalannya terang sekali di antaranya ialah **pertama** *al-Tawhīd* iaitu beriman kepada zat Allah yang Satu dan mengingkari selain daripada-Nya **yang kedua** *al-Risālah* yaitu beriman kepada anbia dan rasul-rasul-Nya **yang ketiga** beriman bahawa Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* ialah Pesuruh Allah *Khātim al-Nabiyīn* dan tak ada nabi selepas daripadanya.

Oleh: Muhammad Abu al-Shukri – Kaherah

Maka dengan perkenalan ringkas itu membezakan seorang Muslim dengan yang lainnya dan dari perbezaan itu juga membuatkan seseorang manusia itu berbahagia jika ia beriman. Hiduplah ia di dalam rukun damai di bawah panji-panji Islam sebagai seorang Muslim yang dilingkungi oleh satu undang-undang Ilahi al-Qur’ān dan al-Sunnah Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Dapatlah mereka berdiri di atas satu asas yang kuat dan konkret sebagai satu tradisi indah sesuai dengan penyatuan fikiran yang tunduk kepada satu kekuasaan Ilahi dan mentaati akan susila luhur yang telah dimeterai oleh Islam di dalam susunan yang dinamis

Manakala tergelincir seorang Muslim dari akidah yang tersebut di atas maka terkeluarlah mereka daripada keluarga umat Islam. Hidup mereka tidak lagi mendapat jaminan bahagia dari Allah di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Mereka telah tergelincir dari asas yang sebenar yang mana membawa mereka ke jalan kelemahan dan kehinaan di dalam masyarakat Islam. Beku di dalam berfikir. Lemah di dalam bekerja jika dipandang dari kaca mata pendidikan Islam.

Umat Islam yang mendapat jaminan dari Allah tadi ialah lahir dari

agama yang dibawa oleh Nabi Besar Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* ke alam buana ini yang dipanggil dengan nama “Islam” yang mana agama Islam sebagai agama fitrah bagi seluruh manusia dari manusia mula lahirnya hingga ke Hari Kiamat nanti. Kerana Islam ialah agama morden maka kemordenan<sup>2</sup> Islam tetap diakui oleh tiap-tiap seorang yang mengkaji dan yang mendalaminya hakikat Islam. Tidak ada pembekuan dalam Islam dan tidak ada kekunoan. Undang-undang Islam ialah sebagai undang-undang untuk menjaga pengikut-pengikutnya daripada terjerumus ke lembah kehinaan yang dinodai oleh hawa nafsu yang tidak mempunyai batasan.

Dari sinar Islam yang cemerlang itulah menyingkapkan tabir yang menyelubungi manusia di dalam kejahilan dan kebekuan yang menjadi seteru besar kepada Islam maka perkisaran alam morden sekarang adalah dianggap berguru kepada kemordenan yang telah ditunjuk oleh Islam melalui kemerdekaan berfikir yang diberi oleh Islam kepada seluruh manusia. Tetapi awas! Di dalam memerhati kemajuan alam morden sekarang janganlah dipandang kepada amalan umat Islam sekarang

tanpa memerhati kepada kecemerlangan undang-undang Islam. Kerana jikalau kita mengukur amalan umat Islam sudah tentu kita menganggap Islam sebagai agama beku. Ini ialah berunsur daripada salah pemakaian terhadap Islam oleh penganut-penganutnya sendiri di dalam menunaikan tanggungjawab mereka di dunia ini. Hakikat Islam yang murni itu telah ditakrif kepada takrif yang sempit yang mana dari gara-gara itu membuatkan generasi muda Islam semakin lari dari Islam. Mereka hanya mengaku sebagai seorang Muslim pada namanya sahaja manakala kepercayaannya terhadap kemordenan dan kesanggupan Islam di tengah-tengah alam morden sekarang tidak ada lagi.

Dasar kebahagiaan dan keadilan yang telah dianjur oleh Islam itu telah pun binasa maka lahirlah permusuhan di antara umat Islam sesama sendiri dan perperangan di antara satu puak dengan puak yang lain. Kedudukan manusia di Timur dan di Barat menjadi pincang. Asas Islam yang konkret itu dianggap sebagai asas menuju mati tidak lagi sebagai asas menuju hidup bahagia di dunia dan di akhirat bahkan Islam diberi *title* candu


<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah *modern* / moden.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah kemodenan.

kepada perkembangan alam morden sekarang.

Seorang Muslim yang benar-benar berpegang kepada agamanya di dalam sebuah masyarakat damai bukanlah mementingkan soal kulit dari iksi<sup>3</sup> yang indah dipandang tetapi sebenar-benar seorang Islam ialah mementingkan soal isi keimanan sejati rasa takwa yang mendalam di jiwanya dan tanggungjawab yang sungguh-sungguh terhadap perkembangan kemajuan agama bangsa dan tanah airnya tunduk kepada kekuasaan Allah yang Maha Esa maka dengan asas inilah dapat menghancurkan sebarang noda rohani dan jasmani terbit dari perasaan hasad dengki yang meruntuhkan segala kekuatan yang ada pada umat Islam dan merobohkan peribadi luhur yang dikehendaki oleh Islam.

Jasa Islam yang begitu besar dan cemerlang itu seolah-olah ditutup oleh sebarang kemajuan dan perkembangan *modern* yang ada sekarang. Penunjuk agama tidak lagi dianggap dinamis mengikut proses alam morden sekarang. Kemurnian masyarakat yang tulen yang dikehendaki oleh Islam telah menjadi korban dari undang-undang ciptaan manusia yang terbit dari blok Barat dan blok Timur yang memainkan peranannya meracuni jiwa umat Islam. Kesedaran yang mendalam masih belum terbuang di fikiran umat Islam. Mereka masih leka dengan pergolakan keduniaan yang tidak mempunyai sempadan yang mana amat berbahaya kepada ketenteraman umat Islam sendiri, maka dengan sebab itulah kita dapati sekarang umat Islam berada di dalam kejatuhan di dalam semua segi dan jurusan.



Pemandangan kota Baghdad di waktu malam.

Umat Islam patutah<sup>4</sup> menyedari akan kehidupan mereka sendiri. Jalan merintis kemajuan hendaklah dilakukan segera. Anggaplah kemajuan yang berada di sekeliling kita sekarang sebagai satu kemajuan yang pasti dibuat oleh umat Islam sendiri. Janganlah duduk terbelenggu kehairanan. Sifat menunggu hendaklah diganti dengan sifat mesti bekerja di dalam semua aspek dengan tidak bertangguh lagi mengikut peredaran zaman. Patutlah sama-sama kita menyedari pergolakan alam morden sekarang cukuplah merbahaya jika tidak disadur dengan kekuatan iman yang sejati yang mana setengah-setengah kemajuan itu boleh menodai iktikad umat Islam yang tipis di dalam pegangan terhadap agamanya dan akan menjadi korban kepada petualang anti-Tuhan yang sedang mengembang sayapnya di dalam masyarakat kaum marhaen.

Maka sebarang gejala jahat yang akan berlaku dan telah berlaku kepada umat Islam itu hanyalah perpaduan yang erat umat Islam hendaklah dilahirkan dan jalan mengkaji

hakikat Islam yang sebenarnya hendaklah diusahakan dengan penuh keimanan yang kukuh terhadap Allah yang menjadikan semesta alam ini. Kalau tidak... tunggalah saat kehancuran umat Islam yang bukan sedikit bilangannya di seluruh alam ini. Ikutilah perkembangan dan kemajuan yang ada sekarang di dalam menuaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim yang cinta terhadap agama yang dianutinya. Janganlah sekali-kali melupakan kebesaran Allah dan kekuasaan-Nya yang tidak terhingga itu maka dengan terikatnya perasaan takwa kepada Allah itu akan menenangkan jiwa kita di dalam menuaikan tanggungjawab terhadap Allah dan kepada seluruh masyarakat Islam di dalam mencari kemajuan di dunia ini dalam semua aspek. *Alā bi dhikri Allāhi ta’fma’inna al-qulūb.*

### Kata-kata Hikmah

Pandanglah apa yang dikatakan, jangan dipandang orang yang berkata! – Saiyidina ‘Alī.

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah isi.

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah patut.